

Kampung Gertak Tinggi yang mengalami masalah tempat tinggal. - [SAFIE:BHA37769]

Jay Jay pernah menyatukan anggota Carefree untuk konsert Carefree dan Black Dog Bone, tetapi kenapa enggan kembali menganggotai Carefree? - [MRIZAL67:BHA22964]

Pi Mai FM untuk penduduk Pulau Pinang, tetapi kenapa semua deejay lelaki? - [MRIZAL67:BHA22964]

Adalah lebih relevan jika undian Akademi Fantasia bagi menentukan kedudukan peserta dihadkan hanya sekali untuk sepanjang minggu dan mansuhkan undian pukal. - [AYO:BHA37751]

Dulu saya perkenalkan kepada sahabat, mahukan ketenangan dengarlah radio Klasik Nasional, tetapi sekarang ramai yang merungut sebab banyak sangat iklan, terutama di rancangan popular dari jam 2 hingga 5 petang. - [PETIR13:BHA02962]

Benteng berhampiran kunci air Tebuk Mendailing, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam sudah pecah hampir dua minggu. Air masin sungai sudah memasuki kebun orang kampung. - [KINGKONGTY:BHA38005]

Sokong pendapat Mrizal67 supaya ruangan R@kan BH kembali dalam warna. Ruangan ini nampak lesu dan kurang menarik tanpa warna. - [JALAKLENTENG61:BHA29914]

Minta Celcom menaik taraf perkhidmatan 3G di kawasan perumahan USJ 13 Subang Jaya kerana liputan di